



**TEKS UCAPAN**  
**PENGUMUMAN KHAS PAKEJ KITA SELANGOR**  
**OLEH**  
**DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**

1.0 PRAKATA

2.0 PROAKTIF MENDEPANI PKP 2.0

3.0 USAHA MERANGSANG EKONOMI

4.0 BANTUAN BANJIR #KITASELANGOR

5.0 TABUNG BANTUAN MENANGANI COVID-19



**PENGUMUMAN KHAS**  
**PAKEJ KITA SELANGOR OLEH DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**

<SALUTASI>

Tuan-tuan, puan-puan, warga Selangor yang saya kasihi sekalian.

**1.0 PRAKATA**

Alhamdulillah. Puji dan syukur dirafa'kan kepada Allah Azza Wa Jalla dengan sifat ar-Rahman dan ar-Rahimnya masih lagi memberikan kita kekuatan untuk terus cekat insyaAllah dalam saat-saat yang begitu mencabar ini.

Sehingga hari Selasa, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) merakamkan sejumlah Sembilan Puluh Tiga Juta Sembilan Ratus Lima Puluh Enam Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Tiga (93,956,883) kes COVID-19 dan Dua Juta Dua Puluh Sembilan Ribu Lapan Puluh Empat (2,029,084) kematian di seluruh dunia.

Manakala itu kes COVID-19 di Malaysia mencatatkan Satu Ratus Enam Puluh Lima Ribu Tiga Ratus Tujuh Puluh Satu (165,371) kes. Angka kematian pula telah mencecah Enam Ratus Sembilan Belas (619). Kes harian sudah pun mencecah angka empat digit.

Berhadapan dengan cabaran ini dan peningkatan beban terhadap para barisan hadapan terutamanya mereka yang bertugas di hospital, Kerajaan Persekutuan telah mengambil suatu langkah drastik iaitu melaksanakan kembali Perintah Kawalan Pergerakan.

Sementara itu, suatu Perintah Darurat telah diumumkan. Proklamasi Darurat sudah tentu menyebabkan ramai yang terkejut. Tidak dapat dinafikan ramai juga yang marah.

Ini mengingatkan saya kepada beberapa karya seniman besar Malaysia apabila menzahirkan kekecewaan mereka terhadap peristiwa 13 Mei dan Darurat yang menyusul kemudiannya. Antara karya yang dimaksudkan adalah *Black Painting* oleh Almarhum Ibrahim Hussein dan arca keranda yang berjudul *May 13, 1969* oleh Almarhum Redza Piyadasa.

Saya difahamkan karya Piyadasa tersebut sebenarnya diilhami sajak Tongkat Warant atau Usman Awang yang berjudul Kambing Hitam. Saya menukikan beberapa bait sajak tersebut untuk ingatan kita semua;

*“menteri demi menteri di tv  
– demokrasi telah mangkat  
permakamannya di mana saja, di mana saja pemabuk politik ganja”*

Sebagai Menteri Besar Negeri Selangor, saya sedar kemarahan rakyat terhadap ahli politik meluap-luap. Saya tidak mahu bersikap *in denial*. Saya bersama pasukan saya bertekad dan berazam untuk mempertingkatkan usaha menumpukan perhatian terhadap kebajikan rakyat terutamanya rakyat Negeri Selangor ketika berdepan dengan keadaan getir ini.

Justeru, walaupun kita dibakar api kemarahan dan kecewa dengan keadaan semasa, saya memohon agar kita semua terus memberi sokongan padu kepada barisan hadapan. Dalam lawatan saya semalam ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di MAEPS, Serdang, saya melihat komitmen barisan hadapan yang menjaga dan merawat para pesakit COVID-19 tanpa henti dan tanpa kenal letih. Mereka adalah wira yang berkorban keringat dan nyawa untuk kita semua.

Kelemahan Eksekutif untuk merancang serta merangka suatu pelan bagi menangani kesan jangka panjang COVID 19 serta kecelaruan dan ketidaktentuan tatacara pengendalian piawai bukanlah kesalahan barisan hadapan.

Anda semua berhak marah terhadap ahli politik yang tidak pernah surut muslihatnya. Akan tetapi jangan sesekali jurus kemarahan itu ditumpukan kepada barisan hadapan.

Saudara-saudari sekalian,

Saya berhasrat menyampaikan betapa besar harapan saya agar Sistem Demokrasi Berparlimen dan Perlembagaan dipulihkan serta dikembalikan sesegera mungkin. Pimpinan politik di segenap peringkat sewajarnya menginsafi kebijaksanaan *our founding fathers* yang memastikan asas-asas Demokrasi Berparlimen dan Raja Beperlembagaan tertegak kukuh.

Saya yakin kita mampu menangani kesan jangka pendek dan jangka panjang COVID 19 dengan berpandukan Perlembagaan serta memartabatkan amalan Demokrasi yang berwibawa di negara ini. Krisis sebegini mengkehendaki pimpinan negara untuk lebih inklusif menerima dapatan, bukan sahaja daripada pihak pembangkang akan tetapi juga daripada kelompok organisasi masyarakat sivil.

Manakala saya memahami niat dan usaha semua pihak termasuk Kerajaan Pusat untuk melandaikan keluk jangkitan COVID 19 akan tetapi kita semua harus berhati-hati agar Proklamasi Darurat ini tidak dieksploit.

Saudara-saudari sekalian,

Berhadapan Perintah Kawalan Pergerakan kali kedua ini sememangnya mencabar buat kita semua. Oleh itu Kerajaan Negeri telah sedaya-upaya menggembeleng sumber yang ada untuk memastikan kebajikan rakyat negeri ini terbela.

Adalah diharapkan Pakej Kita Selangor yang akan saya umumkan ini mampu untuk meringankan bebanan saudara-saudari sekalian. Pakej Kita Selangor ini memberi implikasi kewangan berjumlah RM 73.877 juta kepada Kerajaan Negeri.

## **2.0 PROAKTIF MENDEPANI PKP 2.0**

### **a) Saringan Bersasar**

Kerajaan Negeri telah melaksanakan ujian saringan bersasar komuniti sejak tahun lalu bertujuan untuk menyekat dan mencegah perebakan wabak COVID-19 secara lebih efektif. Kerajaan Negeri melalui Selangor Task Force Menangani COVID-19 (STFC) menggunakan konsep 'Test and Isolate' bagi membantu usaha Kementerian Kesihatan Malaysia menangani wabak ini. Sehingga hari ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan 19,976 ujian 'swab test' percuma di seluruh negeri Selangor.

Bagi meneruskan usaha ini, Kerajaan Negeri mengumumkan peruntukan RM 6 juta untuk melaksanakan Ujian Saringan Bersasar percuma yang akan memberi manfaat kepada 50,000 rakyat Negeri Selangor. Program ini akan memfokuskan kepada golongan sasaran seperti warga emas yang berisiko tinggi, khususnya yang lebih berusia di Pusat Penjagaan Warga Emas dan Pusat Haemodialysis seluruh Selangor, golongan B40 dan mahasiswa anak Selangor. Perincian berkenaan hal ini akan dimaklumkan dari masa ke masa.

### **b) *Home Surveillance Kit SELangkah***

Kerajaan Negeri menerusi Selgate Healthcare telah menambahbaik fungsi aplikasi SELangkah untuk turut membantu dalam pengawasan sendiri (self monitor) pesakit COVID-19. Kerjasama ini turut melibatkan hotline khas dengan *call centre* yang akan beroperasi 24 jam bagi membimbing penggunaan kit sendiri terbabit.

Bagi pesakit kategori 1 & 2 akan diletakkan di bawah "Home Isolation & Monitoring". Mereka akan menerima Pakej Home Care dari Kerajaan Negeri dan Status Kesihatan akan dinilai secara berterusan melalui SELANGKAH dari hari 1 - hari 10. Status Kesihatan ini akan dihantar secara talian ke Command Centre yang terletak di Dewan Jubli Perak Bangunan SUK Selangor dan dipantau oleh sekumpulan pegawai perubatan. Mana-mana pesakit yang status kesihatannya merosot akan dikesan oleh Command Centre dan dibawa bagi rawatan di hospital. Praktis ini adalah selaras dengan Garis Panduan KKM.

Fungsi Home Isolation & Monitoring Selangkah dibangunkan dengan kerjasama Kumpulan COSMOS dari Universiti Malaya. *Cosmos* merupakan chatbot pertama seumpamanya di Malaysia yang memantau keadaan pesakit ketika isolasi di rumah.

### **c) Bantuan Makanan Kepada Frontliners**

Kerajaan Negeri akan turut meneruskan pemberian Bantuan Makanan kepada semua 9,822 petugas perubatan di hospital-hospital serta Pejabat Kesihatan Daerah seluruh Selangor serta 3,500 anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang bertugas di Sekatan Jalan Raya (SJR) serta operasi pematuhan SOP di seluruh negeri. Bantuan makanan ini akan diberikan untuk makan tengahari dan makan malam.

Bagi melaksanakan inisiatif ini, Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Pmerbadanan (MBI) memperuntukkan sejumlah RM 3 juta.

### **d) Pengangkutan Pesakit COVID-19 Berisiko Rendah**

Peningkatan kes harian kepada empat angka sehari menambah tekanan ke atas sistem pengangkutan di bawah penyeliaan Kementerian Kesihatan.

Ini juga menyebabkan pesakit terpaksa menunggu untuk waktu yang agak lama sebelum mereka diambil ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Berisiko Rendah di MAEPS, Serdang.



Bagi mengurangkan beban ke atas petugas barisan hadapan KKM, Bas Smart Selangor akan digunakan secara percuma untuk menghantar pesakit dari rumah ke MAEPS, Serdang.

#### **e) Peruntukan Khas Program Mesra Rakyat**

Keadaan pandemik yang terus melarat, memerlukan Kerajaan Negeri untuk tetap bekerja kuat dan terus memberi khidmat demi rakyat Selangor yang tercinta. Menginsafi keadaan ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meluluskan Peruntukan Khas Selangor Mesra Rakyat berjumlah **RM 100 ribu untuk setiap satu daripada 56 DUN** dengan kadar segera.

Dengan pengumuman ini, program atau aktiviti Mesra Rakyat yang melibatkan perolehan bekalan asas seperti beras, minyak masak, tepung, makanan dalam tin dan lain-lain boleh dilaksanakan secara terus. Ahli Parlimen turut mendapat manfaat RM 50 ribu untuk tujuan yang sama.

#### **f) Pengecualian dan Penangguhan Bayaran Sewa bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Council Homes serta Skim SmartSewa**

Sepertimana yang telah kita pernah kita umumkan dahulu untuk bulan April, Mei dan Jun 2020, Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan **pengecualian**

**pembayaran sewa** untuk satu (1) bulan bagi Januari 2021 serta penangguhan sewa selama dua (2) bulan bagi Februari dan Mac 2021. Ini akan melibatkan kos sebanyak RM 1.7 juta dan memanfaatkan 2,361 unit penyewa PPR.

**Penangguhan sewa** selama tiga (3) bulan turut diberikan kepada 450 unit penyewa di bawah Skim Smart Sewa untuk bulan Januari, Februari dan Mac 2021 dengan implikasi kewangan sebanyak hampir RM1juta.

#### **g) Write-Off Pinjaman Pelajaran Yayasan Selangor**

Mendepani kesan akibat pandemik dan PKP, Kerajaan Negeri telah melupuskan pinjaman (write-off) seramai 762 peminjam Yayasan Selangor. Inisiatif ini dilaksanakan setelah Yayasan Selangor melaksanakan penelitian terhadap kemampuan pembayaran serta keadaan semasa pendapatan peminjam. Jumlah pinjaman yang dilupuskan ini memberi implikasi kewangan berjumlah RM 7.177 juta.

#### **h) Pemberian Bakul Makanan**

Kerajaan Negeri turut menginsafi bebanan rakyat akibat pelaksanaan PKP dan bersedia menyumbangkan Bakul Makanan yang terdiri daripada barangan keperluan harian kepada pemandu teksi, pemandu bas sekolah, penyewa PPR, para pemandu lori sisa pepejal kendalian Kumpulan Darul Ehsan Berhad Waste

Management (KDEBWM) dan bantuan buat Orang Asal dengan jumlah melibatkan RM 1.3 juta.

#### **i) Bantuan Warga Tani**

Pada tahun lepas, Kerajaan Negeri telah menghulurkan bantuan melalui Pakej Rangsangan Selangor Prihatin Fasa 1 dan 2 kepada komuniti pertanian yang amat terkesan akibat pandemik COVID-19. Pada waktu itu, 7,918 agropreneur diberi insentif dalam bentuk input pertanian, peralatan serta bahan mentah. Memandangkan peranan warga tani kepada kelangsungan makanan ataupun 'food security' di Selangor, beberapa bantuan telah dirangka.

Pertama, nelayan akan diberi baucar RM 300 seorang bagi petrol. Kedua, makanan ternakan dan input pertanian akan disalurkan kepada pengusaha ternakan dan akuakultur. Dan ketiga, bakul makanan serta bahan mentah akan disampaikan kepada warga tani. Secara keseluruhan, 10,160 warga tani akan dibantu dengan peruntukan sebanyak RM 2 juta.

#### **j) Inisiatif Cakna Anak Barisan Hadapan**

Kerajaan Negeri memahami bebanan tugas para petugas baris hadapan dalam menumpukan sepenuh khidmat serta dalam pada masa yang sama menggalas tanggungjawab sebagai ibu dan ayah. Oleh itu, berbekalkan iltizam meringankan beban dan membantu para 'frontliners', Kerajaan Negeri melaksanakan Inisiatif

Cakna Anak Barisan Hadapan iaitu pembukaan dan pengoperasian TASKA dan Pusat Jagaan Sementara di Hospital-Hospital Awam dan Premis Sementara bagi penjagaan anak-anak 'frontliners'.

Ibu bapa yang bekerja sebagai kakitangan di Hospital atau Pejabat Kesihatan di Selangor, anggota Polis serta Tentera yang terlibat dengan usaha menangani COVID-19 boleh menghantar anak-anak di Taska dan Pusat Jagaan Sementara ini secara percuma untuk tempoh dua (2) bulan bermula 25 Januari ini. Inisiatif ini menelan belanja RM 1 juta dan akan memberi manfaat kepada hampir 400 keluarga di Selangor.

#### **k) Portal Pusat Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)**

Pada 8 Januari lalu, Kerajaan Negeri telah melancarkan portal ePTRS.my , Portal Pelaksanaan PTRS bukan sahaja terhad kepada kelas tuisyen malah itu turut mengandungi program sokongan yang lain seperti program kemahiran belajar atau lebih dikenali sebagai "smart learning" dan Program Pecutan Akhir SPM yang telah dilaksanakan setiap tahun.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi lain seperti Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan MBI telah mewujudkan satu platform digital untuk pelaksanaan PTRS. Ia dimulakan dengan kandungan Program Pecutan Akhir SPM yang merangkumi mata pelajaran yang ditawarkan dalam PTRS iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Sejarah dan Matematik dan ditambah nilai dengan mata pelajaran STPM iaitu Pengajian Am dan MUET.

Kandungan pembelajaran dalam ePTRS.my adalah dalam bentuk video dan para pelajar boleh bersoal jawab dengan guru yang telah membuat perkongsian secara interaktif melalui platform ePTRS.my ini. Platform ini juga menampilkan pembelajaran dalam talian yang dipakejkan bersama guru bimbingan.

Sehingga 19 Januari 2021, seramai 3,755 orang telah mendaftar untuk menggunakan portal PTRS ini. Lebih membanggakan, pengguna PTRS adalah terdiri dari pelajar dari luar negeri Selangor. Portal ini dibangunkan dengan belanja RM 300 ribu.

### **3.0 USAHA MERANGSANG EKONOMI**

Kerajaan Negeri meneruskan usaha yang telah dirangka menerusi Pakej Selangor Prihatin dan Belanjawan Negeri 2021, “to strike an equilibrium”, untuk memastikan suatu keseimbangan di antara bantuan kepada mereka yang memerlukan dan upaya merancakkan ekonomi.

Oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan semula maka beberapa program terpaksa disegerakan, *when the going gets tough, the tough gets going*.

Dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2021 yang telah saya umumkan pada 1 November tahun lalu, Kerajaan Negeri telah merancang beberapa inisiatif dan program khusus untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan memberi manfaat kepada rakyat. Antara strategi utama ialah Program Digitalisasi di mana Kerajaan

Negeri akan membelanjakan RM 369 juta melalui dana negeri dan anak-anak syarikat. Pelaksanaan PKP bermula 13 Januari telah menuntut agar beberapa inisiatif ini dipercepatkan atas keperluan membantu golongan peniaga kecil, usahawan, penjaja yang terjejas serta pada masa yang sama memacu agenda digitalisasi Selangor.

Bagi membantu 1,000 penjaja kecil makanan & minuman di Selangor untuk berniaga dalam talian dan meneruskan kelangsungan perniagaan mereka dalam senario pandemik dan PKP, **Program Selangor E-Kitchen** akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Program ini akan dilaksanakan oleh HIJRAH Selangor dengan peruntukan RM 10 juta.

Para peserta akan mendapat skim pinjaman mikrokredit untuk menampung kos operasi & mengadaptasi perniagaan mereka ke platform e-dagang seperti Grab, Foodpanda dan sebagainya. Pemohon yang berminat boleh menghubungi HIJRAH Selangor.

Kedua, **Inisiatif E-Pembekalan Peruncit dan Mikro** yang turut akan dilaksanakan oleh HIJRAH dengan peruntukan RM 5 juta. Inisiatif ini akan membantu 1,000 peruncit kecil & mikro di Selangor untuk mendapat bekalan pada harga lebih murah, mudah dan cepat melalui kaedah platform digital agar mereka dapat meneruskan perniagaan mereka dalam waktu pelaksanaan PKP.

Peruncit kecil & mikro akan mendapat kemudahan pinjaman mikro (microcredit) untuk menampung kos bekalan, operasi & mengadaptasi kepada kaedah perolehan secara digital.

Dan seperti yang telah dibentangkan dalam Belanjawan Selangor 2021 di Dewan Negeri Selangor pada Oktober yang lepas, inisiatif **Selangor Freelance** menjadi semakin penting dan perlu diutamakan dalam menyerap hentakan ekonomi yang disebabkan oleh pandemik dan mewujudkan peluang pekerjaan yang berpanjangan untuk semua warga Selangor. Justeru, Kerajaan Negeri bercadang untuk menyegerakan pelaksanaan Selangor Freelance dengan peruntukan sebanyak RM 10 juta.

Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui kerjasama beberapa platform pekerja bebas (freelancers) untuk mencipta peluang pekerjaan dan pendapatan tambahan untuk rakyat Selangor melalui ekonomi gig. Kerja-kerja gig ini melibatkan kemahiran tinggi seperti servis pemasaran digital, perakaunan, pengatur-caraan, pengurusan akaun media sosial dan juga kerja-kerja kolar biru seperti juruelektrik, tukang paip, pembersih rumah dan sebagainya.

Dianggarkan lebih 1,000 peluang pekerjaan gig akan dicipta dan membantu kelangsungan hidup mereka di waktu pandemik ini.

Ketiga, peruntukan RM 3 juta bagi pelaksanaan Inisiatif **Rakan Digital Selangor**. 1,000 individu di Selangor untuk membimbing rakyat Selangor, khasnya golongan

peniaga, warga emas, mahasiswa untuk menggunakan aplikasi digital dalam kehidupan seharian.

Bagi para usahawan wanita, turut ingin dikongsi di sini adalah peluasan skim **Niaga Darul Ehsan (NaDI)** khusus untuk puan-puan, kakak dan adik-adik yang dihormati sekalian. Seperti yang diumumkan pada Oktober yang lepas, seramai 3,000 orang peserta boleh terus berniaga dengan lesen penjaja sementara daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan akan mendapat manfaat tambahan yakni pelan pinjaman minimum RM 1 ribu dan maksimum RM 3 ribu dengan jumlah peruntukan awalan sebanyak RM 10 juta. Pemohon boleh mendapatkan dana NaDI tanpa perlu mempunyai premis dan lesen SSM.

Kerajaan Negeri akan turut mula mengoperasikan Bilik Gerakan Covid-19 Negeri Selangor di **Pusat Operasi C5i Smart Selangor (SSOC (Smart Selangor C5i Operations Centre))** yang telah menelan belanja RM 6 juta menerusi program Smart Selangor untuk merencana Pengurusan Bantuan, menyokong Pengurusan Operasi Kawalan bersama agensi-agensi Persekutuan termasuk Pemantauan berpusat kes-kes Covid-19 Selangor secara waktu nyata. Pusat SSOC ini mempunyai keupayaan operasi 24 jam sehari dan dilengkapi dengan jaringan internet 3 Gbps, pusat data hybrid dan sistem komunikasi berpusat serta Smart Data Platform yang dilengkapi dengan keupayaan Big Data Analytics untuk membantu analisa sebarang data operasi yang diperlukan.

#### **4.0 BANTUAN BANJIR #KITASELANGOR**



Selangor bersimpati dengan nasib yang menimpa rakyat di negeri-negeri yang dilanda musibah banjir, seperti di Pahang Darul Makmur, Kelantan Darul Naim dan Terengganu Darul Iman. Bagi menyantuni jiran-jiran tetangga kita, Kerajaan Negeri bersedia menghulurkan Sumbangan Bantuan Banjir #KitaSelangor berjumlah RM 1 juta untuk negeri Pahang. Rakyat Kelantan dan Terengganu masing-masing akan turut menerima Sumbangan Bantuan Banjir berjumlah RM 500 ribu.

## **5.0 TABUNG BANTUAN MENANGANI COVID-19**

Ketika mengumumkan Pakej Rangsangan 2.0 tahun lalu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Tabung Bantuan Menangani Bencana COVID-19 Selangor bagi membolehkan rakyat serta syarikat swasta menyalurkan bantuan dalam usaha menangani COVID-19 di Selangor. Ini adalah sebahagian dari *'whole of government and whole of society approach'* yang digunapakai Kerajaan Negeri.

Alhamdulillah untuk tahun 2020, Kerajaan Negeri telah menerima sumbangan berjumlah RM 9.3 juta dan telah digunakan bagi perbelanjaan khusus buat para 'frontliners' serta bidang perubatan menangani COVID-19.

Oleh itu, hari ini saya mengumumkan pengaktifan semula tabung ini bagi membantu usaha menangani wabak COVID-19. Sumbangan korporat dan GLC Selangor amat dialu-alukan. Syukur Alhamdulillah pagi ini Kerajaan Negeri menerima sumbangan RM 2.3 juta bagi Tabung Bantuan Bencana ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut bercadang melaksanakan potongan gaji meliputi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), ADUN dan pegawai tinggi di GLC. Mekanisme potongan gaji ini akan dimuktamadkan dan akan disalurkan ke tabung ini.

Saya turut berbesar hati menyumbang gaji saya sebanyak sebulan gaji sebagai permulaan kepada usaha ini.

## **6.0 PENUTUP**

Seperti yang semua sedia maklum, sebarang sambutan perayaan sewaktu PKP2.0 ini adalah tidak dibenarkan. Justeru, saya bersimpati dengan penganut Hindu dengan sambutan Thaipusam yang sederhana kali ini tidak lama lagi—tanpa upacara Kavadhi dan berkumpul beramai-ramai di Batu Caves. Sambutan tahunan itu amat dekat di hati para pengundi di kawasan saya.

Malah, perayaan Tahun Baru Cina yang kebiasaannya disambut dengan amat meriah oleh masyarakat Tionghua juga terpaksa diraikan dengan cara yang berbeza kali ini, seperti perayaan-perayaan utama tahun lalu iaitu Hari Raya Aidilfitri, serta Deepavali dan Krismas. Semangat perpaduan antara kita di Selangor kekal utuh, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Mustahak kiranya kita semua, rakyat Malaysia, dari Perlis hingga ke Sabah menginsafi kesan pandemik ini terhadap kehidupan kita. COVID 19 tidak memilih bulu, sama ada anda orang India, Cina, Iban, Kadazan, Orang Asal ataupun

Melayu. Apa yang menggusarkan saya antaranya adalah kesenjangan yang diakibatkan oleh pandemik ini. Mereka yang susah akan terus diasak dengan kesukaran hidup.

Berulang kali saya tegaskan, norma baharu bukan sekadar memakai pelitup muka, penjarakan sosial dan kekerapan basuh tangan. Pemahaman norma baharu seharusnya merangkumi memikir semula penyelesaian politik dan ekonomi di negara ini.

Pimpinan negara tidak mengira apapun jalur politik sewajarnya sedar bahawa inilah waktunya untuk menolak chauvinisme kaum. Ramai yang berselindung di sebalik *real politik* untuk membenarkan politik perkauman. Jika ahli politik lama tidak mampu berbincang secara jujur untuk mencari penyelesaian, mungkin sudah tiba masanya buat yang muda untuk bersama-sama berganding bahu merangka penyelesaian buat negara ini.

Saya yakin rakyat Malaysia, ramai yang muak dengan *identity politics* yang hanya bertujuan memecah belahkan kita. Mereka mahu tahu apakah penyelesaian terhadap perangkap upah rendah, menangani cabaran iklim, upaya merancang pembangunan prasarana, peningkatan terhadap mutu pendidikan, penyelesaian terhadap krisis maltrunisi terutamanya di kalangan anak-anak miskin bandar, pembangunan digitalisasi serta ikhtiar membasmi rasuah.

Jika kita tidak habis-habis dengan aku Melayu, kau Cina, kau India, kau Borneo, kita tidak akan ke mana. Malaysia yang kita cintai akan terus ketinggalan

dibandingkan dengan jiran-jiran kita. Apabila negara ini gagal dan rakyatnya dihimpit kemiskinan, mampukah kita terus mendabik dada, “aku Cina, aku India, aku Iban, aku Kadazan, aku Melayu?”

Kita semua akan menikmati kemakmuran jika negara ini berjaya, stabil, cekap, amanah dan berwibawa.

Akhirul kalam, diulangi pengumuman terdahulu tentang hasrat Kerajaan Negeri untuk mendapatkan sekitar tiga (3) hingga lima (5) juta dos vaksin Covid-19 untuk rakyat Selangor. Moga-moga dengan perolehan ini akan melengkapkan usaha yang dilakukan Kerajaan Persekutuan dalam mendepani wabak ini.

InsyaAllah, usaha-usaha yang digerakkan Kerajaan Negeri tadi akan diberkati Allah SWT Wabillahi Taufiq Wal Hidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh